

PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS

Siti Nur Aafifah Hashim

aafifahhashim16@gmail.com

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Abstrak

Pembentukan nilai dan kecemerlangan modal insan bertunjangkan konsep tazkiyah al-nafs merupakan asas terpenting yang menentukan keberhasilan dan kejayaan dalam proses pembangunan insan. Mekanisme pelaksanaan konsep tazkiyah al-nafs yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini merujuk kepada amalan yang dilaksanakan oleh insan yang berupaya menyingkirkan penyakit berkaitan hati serta berupaya merealisasikan nilai-nilai akhlak mulia. Kajian kualitatif ini meninjau literatur kajian konsep tazkiyah al-nafs dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan berpandukan jadual matrik "Systematic Literature Review (SLR)". Pencarian artikel diakses dari saluran jalur lebar menggunakan bit data MyJurnal, Scopus dan Google Scholar. Analisis sistematik berkenaan memfokuskan kepada isu yang melibatkan hubungan konsep tazkiyah al-nafs dalam pembentukan modal insan. Hasil analisis terhadap dokumen yang terpilih didapati terdapat 21 artikel yang memenuhi objektif dan kriteria kajian sebagaimana telah ditentukan. Menerusi artikel tersebut telah mengemukakan aplikasi konsep tazkiyah al-nafs untuk pembangunan modal Insan melalui empat proses yang dimulai dengan peningkatan keimanan, seterusnya, kawalan tingkah laku, pembentukan akhlak dan akhirnya melahirkan insan kamil.

Kata kunci: Tazkiyah al-Nafs. Pembangunan Modal Insan. Systematic Literature Review

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT THROUGH THE CONCEPT OF TAZKIYAH AL-NAFS

Abstract

The formation of values and excellence of human capital based on the concept of tazkiyah al-nafs is the most important foundation that determines the outcomes and success in the process of human development. The mechanism of implementation tazkiyah al-nafs concept which will be discussed in this working paper refers to the practice implemented by human beings who are able to remove diseases related to the heart and are able to realise noble characteristics of good and high moral standards (Akhlak). This qualitative study reviews the literature review of tazkiyah al-nafs concept by using the method of document analysis and guided by the matrix table "Systematic Literature Review (SLR)". Article search is accessible from using MyJurnal, Scopus and Google Scholar database. The systematic analysis focuses on issues involving the relationship of tazkiyah al-nafs concept in the formation of human capital. The results of the analysis by the selected documents found that there are 21 articles that meet the objectives and criteria of the study as determined. Through the article has presented the application of the concept tazkiyah al-nafs for human capital development through four processes that begin with the increase of faith, in turn, behavior control, moral formation and finally will give rise to a insan kamil (man who is imbued and strive for perfection).

Keywords: Islamic research; intention; blessings; al-Khawarizmi; Ibn Khaldun


PENGENALAN

Pembentukan masyarakat yang bertamadun adalah bermula dari pembangunan keinsanan atau disebut sebagai pembangunan modal insan yang merangkumi aspek dalaman dan luaran yang seimbang. Perbincangan mengenai pembangunan modal insan ini telah menjadi akar umbi kepada setiap permasalahan ummah dari zaman silam sehinggalah kini (Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinain Badaruddin, 2016). Tokoh ilmuwan Islam zaman lampau seperti al-Ghazali, Ibn Khaldun dan Ibn Sina telah membincangkan aspek pembangunan insan ini dengan meletakkan pembangunan

rohani sebagai perbincangan yang utama dalam pembangunan insan (Wan Suhaimi 2013). Hal ini kerana kekuatan komponen spiritual dalam diri insan seperti emosi, jiwa, roh dan nafsu akan mempengaruhi setiap tindakan yang dilakukan oleh insan. Salasiah, Fariza, Che Zarrina (2015) berpendapat, pembangunan modal insan ini seharusnya dibangunkan secara seimbang diantara aspek fizikal dan spiritual. Pembangunan seimbang dan sepadu ini merupakan faktor penting bagi kelangsungan kehidupan umat Islam dalam mengharungi cabaran hidup dengan pembersihan jiwa yang melibatkan konsep tazkiyah al-nafs sebagai asas pembangunan modal insan.

ISU

Agenda pembangunan globalisasi yang bertunjangan idea kapitalisme ini telah membawa kesan tragik kepada masyarakat. Masyarakat semakin hari semakin rakus mengejar arus pemodenan dan kemajuan duniawi. Dalam masa itu, terdapat sebilangan besar masyarakat yang hampir terlupa aspek pembangunan insan yang seharusnya seiring dengan kemajuan duniawi. Hal ini telah mengakibatkan keruntuhan nilai-nilai insan dalam diri seseorang. Hasil dari itu, pelbagai masalah dari corak pembangunan ini kejadian yang amat merunsingkan berlaku di hadapan mata kita, mahupun yang didedahkan di dalam akhbar. Antaranya, seperti jenayah, pencemaran alam, bencana alam, pengangguran dan gejala sosial (Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012). Gejala keruntuhan nilai-nilai insan ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan generasi muda dan remaja, malah turut terpalit dalam golongan dewasa sebagaimana tercatat dalam rajah 1.



Rajah 1: Statistik Jenayah Malaysia 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019)

Oleh itu, banyak pihak yang berusaha untuk mencari solusi bagi menangani permasalahan ini. Antara solusi yang dilihat paling berkesan dan tepat ialah keperluan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan modal insan (Abdullah Ahmad Badawi, 2007). Pembangunan modal insan mampu melahirkan insan yang memiliki ilmu pengetahuan dan nilai moral yang tinggi serta memiliki kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh dimanfaatkan dalam bidang pekerjaan dan kehidupan seharian (Abdul Rahman Ahmad, 2006).

Di Malaysia, konsep modal insan telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9, 2006-2010) yang merujuk kepada sumber manusia berkualiti yang berpengetahuan, berkemahiran, bersifat inovatif, mempunyai sikap dan pemikiran progresif, berpegang kepada nilai-

nilai moral serta memiliki etika dengan menjadikan Islam sebagai rangka kerja pembangunan yang menyeluruh (RMK9, 2006). Untuk membangunkan modal insan ini, pendekatan secara holistik digunakan bagi meningkatkan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek, termasuk keupayaan keusahawanan, pengetahuan sains dan teknologi, membentuk sikap, nilai dan etika yang positif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat (RMK9 2006).

Pembangunan modal insan dapat difahami sebagai satu pembangunan yang menumpukan kepada insan itu sendiri. Matlamat utamanya ialah untuk meningkat dan memajukan individu bagi mendapatkan pulangan pada masa akan datang. Secara asas, ia berkaitan kecekapan dan komitmen seseorang dalam organisasi yang dilihat dari aspek kemahiran, pengalaman, potensi dan kapasiti. Modal insan mengumpul individu yang mempunyai kemampuan bagi memastikan sesebuah perniagaan atau pentadbiran itu berjaya. Insan merupakan sumber utama dalam menentukan kegemilangan sesebuah negara ataupun organisasi. Oleh itu, insan merupakan modal yang paling berharga bagi sesebuah negara dan organisasi yang disebut sebagai modal insan.

Dari segi bahasa, perkataan manusia mempunyai makna yang hampir sama dengan insan, namun ia mempunyai makna yang berbeza dari segi istilah (Hairunnizam, 2006). Oleh itu, pembangunan insan bukan sahaja melihat dari sudut pembangunan fizikal manusia tetapi ia meliputi aspek rohani iaitu roh, qalb, nafs serta akal. Oleh itu, dalam Islam, pembangunan modal insan meliputi aspek fizikal dan rohani. Menurut Shaik Abdullah Mydin & Issham (2006), konsep pembangunan modal insan dalam Islam memberi tumpuan kepada pembangunan manusia berteraskan ajaran agama Islam yang syumul dan ia bersifat menyeluruh meliputi aspek fizikal dan rohani agar insan yang dihasilkan adalah berkualiti dan dinamik. Demikian itu, strategi pembangunan modal insan perlulah selaras dengan ajaran Islam.

Menurut al-Ghazali (2013), intelektual seseorang insan terletak pada nafs yang akan menentukan identiti serta tingkah laku seseorang itu. Insan yang menjadi teras pembangunan negara dan pada masa yang sama telah dipertanggungjawabkan sebagai khalifah di muka bumi ini telah dianugerahkan Allah SWT dengan unsur psiko-fizik. Bagi merealisasikan pertanggungjawaban tersebut, insan perlu memiliki keunggulan peribadi. Oleh yang demikian, ketetapan iman, keutuhan jiwa dan kemuliaan akhlak yang dirangkum di bawah istilah pembangunan spiritual insan amat penting di samping unsur-unsur lain seperti pembangunan jasmani dan kemantapan akal. Justeru itu, dalam usaha mencapai keunggulan peribadi, metode yang dilihat amat penting sebagaimana saranan para sufi ialah penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs).

Tazkiyah al-nafs mempunyai dua kata yang berbeza iaitu tazkiyah dan al-nafs. Al-Tazkiyah merupakan asas ketiga dalam kalangan asas ilmiah bagi dakwah salafiah yang membawa maksud membaiki dan menyucikan jiwa. Lawan kepada al-tazkiyah ialah al-tadsiyyah yang membawa maksud memperkecil dan menghina jiwa menjadi hina-dina (Basri & Mohd Safri 2005). Menurut kamus al-Mawrid (1997) perkataan tazkiyah adalah kata nama terbitan, manakala 'zakka', 'yuzzaki', 'tazkiyah' dari kata kerja yang bermaksud penyucian diri manusia atau penyucian nafsu daripada segala sifat tercela. Selain itu, perkataan tazkiyah juga bermaksud membersihkan atau menyucikan jiwa dengan meninggalkan hubungan tubuh badan yakni perbuatan tidak baik (Zuridan 2010; Salasiah Hanin Hamjah 2016).

Tazkiyah al-nafs menurut al-Ghazali (2004) adalah kembali dari kejahilan, kealpaan dan kelalaian dari mengingati Allah SWT kerana takut akan seksaan Allah SWT, mengharap ganjaran serta keredaan Allah SWT. Al-Kalbiy (t.t) pula mendefinisikan tazkiyah al-nafs ini ialah rasa penyesalan di dalam hati, memohon ampun dengan lidah, berhenti di saat itu juga dari dosa tersebut dan meneguhkan azam untuk tidak lagi melakukan dosa yang sama. Seterusnya diikuti dengan tindakan yang dapat menyingkirkan sifat-sifat mazmumah dalam diri serta diganti dengan sifat-sifat mahmudah.

METODOLOGI


Kaedah systematic literature review (SLR) telah dipilih untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kertas kerja ini. Kajian (SLR) adalah cara untuk mengidentifikasi, mengevaluasi dan menafsirkan semua kajian yang sedia ada dan yang berkaitan dengan persoalan pada satu kajian, topik atau fenomena yang menarik. Proses-proses dalam (SLR) akan menentukan persoalan kajian, proses pencarian data, pemilihan batasan kajian, penilaian kualiti, dan proses ekstrak data.

Kaedah kajian yang dilakukan dalam penulisan yang berasaskan (SLR) ini bermula dengan perancangan. Proses perancangan adalah proses untuk merumuskan batasan dan langkah kerja yang akan dilakukan. Perencanaan ini dilanjutkan dengan proses kajian yang berkaitan dengan pencarian dokumen. Seterusnya, kesemua dokumen ditapis mengikut kesesuaian objektif bagi kajian ini. Dokumen yang mencapai kepada objektif bagi kertas kerja ini akan dianalisis dan dirumuskan di akhir penulisan kertas kerja ini.

DATA DAN ANALISIS SISTEMATIK REVIEW

Pencarian maklumat yang relevan dengan kajian dilakukan menggunakan pangkalan data MyJurnal, Scopus dan Google Scholar menerusi beberapa kata kunci antaranya tazkiyah al-nafs, pembangunan kerohanian, penyucian jiwa dan purification. Pemilihan bit data adalah mengikut kepada kesesuaian topik perbincangan yang lebih banyak diterbitkan menerusi bit data yang dipilih. Jumlah literatur yang terkumpul pada proses pencarian awal adalah 221 literatur utama terdiri daripada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia. Setelah itu, literatur tersebut diidentifikasi berdasarkan tahun diantara 2010 hingga 2020. Pemilihan tempoh literatur dari tahun berikut adalah perbincangan melibatkan tasawuf moden yang lebih bertepatan dengan isu pembangunan modal insan dalam era pembangunan revolusi industri 4.0 kini. Kajian sebelum tahun 2010 lebih banyak membincangkan konsep tazkiyah al nafs secara klasik menerusi amalan-amalan eksklusif golongan sufi. Selanjutnya, literatur disaring menerusi tajuknya. Jika tajuknya sesuai dengan topik konsep tazkiyah al-nafs untuk pembangunan modal insan, maka literatur itu akan dipisahkan untuk dilakukan identifikasi di bahagian abstraknya dan keseluruhan isi. Jumlah literatur yang telah diiktiraf berdasarkan tajuk, abstrak dan keseluruhan isi adalah sebanyak Hasil dapatan diringkaskan dalam rajah 1 berikut.

Dapatan Pencarian Maklumat



Bil.	Pengkaji	Tahun	Sasaran			Bidang Kajian			Sumber Rujukan Utama			Instrumen kajian		Implikasi			
			MU	R	KM	P	K	PI	K/T	AQ/H	A	KD	TB	K	KTL	PA	MIK
1.	Sharifah Basirah	2013							/			/					/
2.	Che Zarrina Sa'ari	2014	/					/	/			/					/
3.	Nasarudin Desa @ Man	2018	/					/		/		/			/	/	
4.	Nik Siti Khadijah Nik Salleh	2016	/					/		/		/		/			
5.	Noor Shakirah Mat Akhir	2014	/					/			/	/			/		
6.	Lubis	2019	/					/	/			/				/	
7.	Ahmad Muhammad Husni, et.al	2012	/					/			/	/		/			
8.	Che Zarrina Sa'ari	2012	/			/					/	/				/	
9.	Masyhuri	2012			/	/					/	/			/		
10.	Che Zarrina	2016			/	/			/			/					/
11.	Emie Sylviana Mohd Zahid	2019	/					/			/	/		/			/
12.	Che Zarrina Sa'ari	2019	/					/	/		/	/		/			
13.	Sakinah Salleh	2015			/		/			/		/		/	/		
14.	Norfadilah Abdul Rahman	2014	/			/				/		/			/		
15.	Salasiah Hanin Hamjah	2016		/			/			/		/				/	
16.	Salasiah Hanin Hamjah	2014					/			/		/					/
17.	Mohd. Suhardi Mat Jusoh	2018		/			/					/	/		/		
18.	Hayu A'la Aslami	2016	/					/	/			/				/	
19.	Fathiyah Mohd	2016	/					/	/			/			/		/

	Fakhruddin														
20.	Hidayatul	2017											/		
21.	Khairani	2012		/			/	/				/		/	/

Jadual 2: Ringkasan Dapatan dan Analisis Aplikasi Konsep Tazkiyah al-Nafs untuk Pembangunan Modal Insan

	MU: Masyarakat umum	P: Psikologi	K/T: Kitab/Tokoh	KD: Kajian Dokumen	K: Keimanan KTL: Kawalan tingkah laku
Petunjuk	R: Remaja	K: Kaunseling	AQ/H: Al- Quran/Hadis	TB: Temu bual	PA: Pembentukan akhlak MIK: Melahirkan insan <i>kamil</i>
	KM: Kesihatan mental	PI: Pengajian Islam	A: Artikel		

APLIKASI KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan yang dimaksudkan di sini ialah usaha-usaha berterusan sepanjang hayat dalam memupuk dan mengembangkan potensi-potensi yang ada dalam diri manusia agar menjadi subur dan kental rasa keimanannya terhadap rukun iman serta berupaya untuk menggesa dan menyumbang ke arah kebaikan dan kesejahteraan hidup diri sendiri, orang lain dan alam seluruhnya bersesuaian dengan hukum syarak dan akal murni (Zakaria Stapa, 2001). Pembangunan modal insan dapat dilihat dari dua aspek penting kehidupan iaitu pembangunan spiritual dan pembangunan material yang memerlukan perbincangan secara bersepadu. Pembangunan seimbang dan sepadu ini merupakan faktor penting bagi kelangsungan kehidupan insan dalam mengharungi cabaran hidup. Kaitan antara pembangunan modal insan dengan konsep tazkiyah al-nafs dapat dilihat apabila insan memberi perhatian serius terhadap sejumlah matlamat yang perlu dicapai oleh setiap insan di mana matlamat-matlamat ini amat penting untuk tujuan merealisasikan diri manusia sebagai seorang insan bertamadun sebagaimana yang dituntut oleh Islam (Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019).

Insan merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang terdiri daripada gabungan unsur jasmani dan rohani. Justeru, menurut Fathiyah Mohd Fakhrudin dan Asmawati Suhid (2016) usaha membangunkan insan perlu memberi fokus kepada kedua-dua unsur berikut. Jika salah satu sahaja yang diberi tumpuan, insan tidak boleh dibangunkan secara menyeluruh dan holistik. Tumpuan yang keterlaluan kepada unsur jasmani juga akan menghakis nilai-nilai kemanusiaan dalam diri insan dan merendharkannya ke tahap haiwan. Begitu juga tumpuan yang keterlaluan kepada unsur rohani juga akan mengikis nilai kemanusiaan sedangkan insan bukan diciptakan untuk menjadi malaikat (Noor Shakirah Mat Akhir, Muhammad Azizan Sabjan, 2014).

Che Zarrina Sa'ari (2019) berpendapat bahawa ketetapan iman, keutuhan jiwa dan kemuliaan akhlak dirangkum di bawah istilah pembangunan spiritual insan dan merupakan aspek penting untuk pembangunan modal insan di samping unsur-unsur lain seperti pembangunan jasmani dan kemantapan akal. Justeru itu, dalam usaha mencapai keunggulan peribadi, metode yang dilihat amat penting sebagaimana saranan para sufi ialah penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs). Oleh yang demikian, terdapat sekurang-kurangnya empat proses implikasi pengaplikasian konsep tazkiyah al-nafs untuk pembangunan modal insan

Proses Pertama: Meningkatkan Keimanan

Keutuhan iman ini merupakan teras kepada pembangunan modal insan (Che Zarrina Sa'ari, 2019). Melalui aplikasi konsep tazkiyah al-nafs pada peringkat awalnya akan meningkatkan keimanan seseorang. Kurangnya keimanan terhadap Allah, para malaikat, para rasul, hari akhirat dan qada' dan qadar hasil dari kejahilan dan kelalaian telah mengheret insan ke arah kelemahan spiritual seterusnya menjerumuskan diri insan ke lembah kebinasaan. Dengan keimanan yang utuh ini mewujudkan

kemampuan serta jati diri insan untuk mengawal tingkah laku agar selaras dengan syariat Islam (Sakinah Salleh, Rahimah Embong, Normila Noruddin dan Zuraidah Kamaruddin, 2015).

Hampir setiap agama memberi perhatian kepada aspek keimanan ini walaupun ia berlaku dengan pelbagai cara melalui pelbagai pendefinisian keimanan. Hal ini bertepatan dengan fungsi agama itu sendiri yang merangkumi hubungan dengan Tuhan. Tazkiyah al-nafs juga amat penting dalam usaha mewujudkan insan yang berjaya dari dua aspek kewujudannya iaitu spiritual dan fizikal seterusnya menjamin kelangsungan masyarakat bertamadun dalam berakidah dan beribadah (Nik Siti Khadijah Nik Salleh, Hasanah Abd. Khafidz, 2016). Melalui pemantapan keimanan dan peribadatan, akan melahirkan rasa takut kepada Allah SWT (Ahmad Muhammad Husni et.al, 2012), seterusnya rasa takut itu bertindak sebagai pengawasan diri bagi seseorang melalui kawalan tingkah laku.

Proses Kedua: Kawalan Tingkah Laku

Secara ringkasnya, difahami proses kawalan tingkah laku ini mengandungi dua dimensi utama iaitu tazkiyah al-nafs iaitu al-takhalli dan al-tahalli. Al-takhalli merujuk kepada proses menyucikan diri dari sifat-sifat tercela manakala al-tahalli ialah proses menghiasi diri dengan sifat-sifat mulia dan terpuji (Nik Siti Khadijah Nik Salleh, Hasanah Abd. Khafidz, 2016). Oleh itu dapat difahami bahawa dalam proses pembentukan modal insan merupakan usaha yang tidak hanya terhenti kepada membebaskan diri dari sifat-sifat mazmumah malah ia diteruskan dengan penerapan ke dalam diri dengan sifat-sifat mahmudah (Hidayatullah & Hamzah 2017).

Proses kawalan tingkah laku ini dilaksanakan dengan implementasi ibadah sebagai wasilah untuk menghapuskan sifat-sifat mazmumah dalam diri. Hayu A'la Aslami, (2016) telah mencadangkan beberapa amalan yang boleh dilakukan secara khusus untuk menghapuskan sifat-sifat mazmumah berpandukan ciri-cirinya sebagaimana digambarkan dalam jadual 2 berikut.

Jadual 2: Mekanisme Tazkiyah Al-Nafs untuk Penyingkiran Sifat Mazmumah (Hayu A'la Aslami, 2016)

Bil.	Sifat-sifat Mazmumah	Mekanisme <i>tazkiyah al-nafs</i>
1.	Takabbur, sombong dan ujub	Solat, tauhid dan tafakur
2.	Syahwat perut dan kemaluan	Puasa dan nikah
3.	Bencana lisan	Zikrullah, tafakkur, muhasabah, muraqabah, mujahadah dan mengingati mati
4.	Marah, dengki dan iri hati	Tilawah al-Quran, sabar dan syukur, memaafkan dan kasih sayang
5.	Cinta harta dan kikir	Zakat, Infaq dan zuhud

Dalam memastikan keberhasilan proses kawalan tingkah laku ini, maka seseorang itu dituntut untuk mengerjakan mujāhadah dan riyādah al-nafs secara konsisten melalui taklif suruhan ini. Hal ini kerana faktor wujudnya masalah tingkah laku seseorang adalah berpunca dari jiwa dan hati yang tidak membangun dengan sempurna. Keadaan ini merupakan akibat langsung dari hati yang tidak konsisten dalam melawan hasutan-hasutan hawa nafsu dan syaitan sehingga mengakibatkan hatinya dikuasai oleh nafs al-ammārah (Norfadilah Abdul Rahman & Zakaria Stapa, 2014). Secara tidak langsung perbincangan berkaitan kawalan tingkah laku dalam proses tazkiyah al-nafs ini akan mengaitkannya dengan persoalan akhlak (Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Mohd. Farid Mohd Sharif & Jasni Sulong, 2018).

Proses Ketiga: Pembentukan Akhlak


Khairani (2012) membincangkan mengenai kaedah pembentukan akhlak dalam diri seseorang adalah bermula dari proses tazkiyah al-nafs. Kata akhlak atau khuluq telah diguna pakai dalam al-Quran dan juga Hadis. Ibn Miskawayh (1934) mendefinisikan akhlak dari aspek istilah sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa dan mendorong pemiliknya melakukan perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Manakala al-Ghazali pula mendefinisikannya sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa dan menzahirkan pelbagai bentuk perbuatan dengan mudah, tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan (Salasiah Hanin Hamjah, 2016). Sementara Lubis (2019) menyebut dengan jelas tentang kelahiran sifat-sifat baik dan buruk dari jiwa seseorang manusia dengan mendefinisikan akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa di mana lahirnya pelbagai bentuk perbuatan baik ataupun buruk tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan.

Dewasa ini menunjukkan bahawa umat Islam semakin menghadapi cabaran dalam isu berkaitan modal insan iaitu keruntuhan akhlak serta ketandusan aspek spiritual yang perlu ditangani sebaik mungkin dengan kadar segera demi menjamin keutuhan ummah (Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin, 2012). Selain itu, aplikasi tazkiyah al-nafs juga mampu bertindak sebagai motivasi dalam diri insan untuk memilih yang terbaik dan tertinggi nilainya di sisi Allah SWT dan secara tidak langsung dapat membangun akhlak terpuji dalam diri insan (Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad, 2018)

Proses Keempat: Kelahiran Insan Kamil

Proses tazkiyah al-nafs mampu membina satu struktur komponen jasad manusia yang dilengkapi keperibadian lahir dan batin berlandaskan acuan syarak. Jasad ini akan menzahirkan keelokan tingkah laku dan ketulusan jiwa yang murni bagi mencapai keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat. Menurut Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin (2013), konsep tazkiyah al-nafs amat bersesuaian dengan situasi masyarakat kini dalam mewujudkan pembangunan modal insan secara holistik. Walaupun implementasi tazkiyah al-nafs dalam berakidah dan beribadah kelihatannya agak eksklusif untuk golongan sufi, Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Fatimah Syed Omar (2014) berpendapat bahawa aplikasi tazkiyah al-nafs menjadi keperluan zaman kontemporari yang perlu berhadapan dengan cabaran dalam beragama dan berkehidupan sesuai dengan tuntutan syariat Islam. Hal ini kerana tazkiyah al-nafs berupaya meningkatkan motivasi manusia untuk melaksanakan hukum-hukum syarak kerana keimanan yang jitu terhadap Allah SWT akan melahirkan pelaksanaan yang sempurna terhadap hukum-Nya (Masyuri, 2012). Sementara itu, Che Zarrina & Nor Azlinah (2016) pula berpendapat, bahawa penerapan nilai-nilai spiritual yang baik melalui aplikasi tazkiyah al-nafs akan melahirkan individu yang bukan sahaja sihat dari sudut jasmani, malah mampu melahirkan umat yang berperanan menjana pembangunan insan sejagat. Walau bagaimanapun, menurut Salasiah Hanin Hamjah, (2014), proses tazkiyah al-nafs untuk membentuk insan kamil memerlukan kesabaran kerana memerlukan proses ini memerlukan usaha yang gigih serta mengambil masa yang lama.

Berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan mendapati banyak pengkaji yang menggunakan konsep tazkiyah al-nafs yang dikemukakan oleh al-Ghazali sebagai asas untuk perbincangan kepada aspek pembangunan modal insan. Secara keseluruhannya, proses aplikasi tazkiyah al-nafs dalam pembinaan modal insan ini diterjemahkan dalam rajah 2 berikut.



Rajah 2: Proses Aplikasi Konsep Tazkiyah al-Nafs dalam Pembangunan Modal Insan
Rajah 2 menunjukkan proses tazkiyah al-nafs dalam pembangunan modal insan. Proses ini bermula dari aplikasi tazkiyah al-nafs yang memberi implikasi terhadap peningkatan iman, dan seterusnya melahirkan pengawasan diri melalui kawalan tingkah laku kemudiannya membentuk akhlak-akhlak terpuji dalam diri insan sejurus melahirkan insan kamil yang akan berpegang dengan sebenarnya kepada akidah Islam serta bijak menguruskan tuntutan fitrah semula jadi manusia (Sayyid Qutb,1996).

KESIMPULAN

Tazkiyah al-nafs melibatkan satu proses peralihan daripada jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar dengan dosa-dosa menjadi jiwa yang suci bersih (Sa'id Hawwa,t.t). Daripada hati yang tidak mengikut peraturan syariat kepada hati yang mengikut kepada tuntutan syariat, daripada hati yang kafir kepada hati yang mukmin, daripada munafik kepada bersikap jujur, amanah dan berintegriti, sifat dendam digantikan dengan pemaaf, tawaduk, tawakal dan terkawal dan sebagainya.

Oleh yang demikian, pendekatan tazkiyah al-nafs perlu disimbolisasikan sebagai suatu usaha serius dalam pembangunan modal insan secara bersepadu dengan disusuli beberapa pendekatan praktikal dan amalan kerohanian. Dengan adanya usaha mengintegrasikan konsep tazkiyah al-nafs ini dengan teori dan teknik masa kini, ianya dapat menghasilkan satu kemahiran dalam menyelesaikan masalah berkaitan modal insan secara komprehensif dari pelbagai aspek tingkah laku, emosi, dan spiritual.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Abdullah Ahmad Badawi (2007), "Human Development: The Engine of Economic Growth" dalam Abdullah Ahmad Badawi (ed), *Islam Hadhari Approach: Towards a Progressive Islamic Civilisation*. Putrajaya: JAKIM.
- Al-Ghazali, 1994. *Majmuah Rasail Al-Imam Al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Kutub al-Hikmah.
- Al-Ghazali. 2000. *Ihya' Ulum Ad-Din*. Kaherah: Dar Al Taqwa Lil Al-Turath.
- Che Zarrina & Nor Azlinah, "Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah al- Nafs," *Afkar Vol. 18 Special Issue* (2016): 35-72
- Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Fatimah binti Syed Omar (2014). *Implementasi Tasawuf dalam Penghayatan Rukun Islam dan Pengaruhnya kepada Penyucian Jiwa (Tazkiyah Al-Nafs) Menurut Sa'id Hawwa*. MANU Bil. 20, 165-185.
- Emie Sylviana Binti Mohd Zahid, (2019). *Pembangunan Spiritual: Konsep Dan Pendekatan Dari Perspektif Islam* E-Journal of Islamic Thought and Understanding Volume 2 October 2019 diakses melalui pautan <http://ejitu.uitm.edu.my/> e-ISSN:2006-9617
- Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid (2016). *Proses Murabatah Al-Nafs Menurut Perspektif Al-Ghazali Bagi Membangunkan Individu Seimbang Dan Holistik*. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 2(2), Disember 2016: 173-187*
- Ibn Miskawayh (1934), *Tahdhib al-Akhlaq wa Tathir al-A'raq*, Kaherah: Matba'ah al- Misriyyah Ibrahim Anis (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Khairani. (2012). "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam Al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasmara di Negeri Kedah, Malaysia." *ATIKAN*. 2(1):79-94.
- Liberati, A., Altman, D.G., Tetzlaff, J., Mulrow, C., Gøtzsche, P.C., Loannidis, J.P.A., Clarke, M., Devereaux, P.J., Kleijnen, J., Moher, D. (2009). *The PRISMA statement for reporting systematic reviews and metaanalyses of studies that evaluate health care interventions: explanation and elaboration*. *Journal Clinical Epidemiology*, 62(10), 1– 34.
- Lubis, F.A. (2019). *Sufism and Travel Literature: Soul Captivity in Hajj Sayyah's Knowledge-Seeking Journey in Safaranamah-I Hajj Sayyah bih Farang*. *KEMANUSIAAN*, 26 (1), 63-87.
- Masyhuri. (2012). *Prinsip-Prinsip Tazkiyah Al-Nafs Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Kesehatan Mental*. *Jurnal Pemikiran Islam; Vol. 37, No. 2*
- Masyuri. 2012. *Prinsip-Prinsip Tazkiyah Al-Nafs Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Kesehatan Mental*. *Jurnal Pemikiran Islam* 37 (2): 1.

- Ahmad Muhammad Husni, Mohd Nor, A.H., El-Seoudi, M., Ibrahim I.A., Laluddin, H., Samsudin, M.A. Omar, A.F. & Alias. M.N. (2012). Relationship of Maqasid Al-Shariah with Qisas and Diyah: Analytical View. *The Social Sciences* 7(5), 725-730.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. 2018. Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*; Vol. 3, No. 1,
- Nik Siti Khadijah Nik Salleh, Hasanah Abd. Khafidz (2016). Penyucian Jiwa Melalui Pendekatan Muhasabah Dalam Penghayatan Shalat Fikiran Masyarakat, Vol. 4, No. 2
- Nik Siti Khadijah Nik Salleh, Hasanah Abd. Khafidz. 2016. Penyucian Jiwa Melalui Pendekatan Muhasabah dalam Penghayatan Shalat. *Fikiran Masyarakat*, Vol. 4, No. 2, ISSN No. 2338-512X. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noor Shakirah Mat Akhir, Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development* Vol. 7 No. 1
- Norfadilah Abdul Rahman dan Zakaria Stapa. (2014). Pembangunan kerohanian berasaskan al-Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on World Conference of Integration Knowledge (WCIK2014) pada 15 – 16 September 2014 di Bandung, Indonesia.
- Safiah Abd Razak, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2019). Adab Solat dan Puasa Serta Hubungannya dengan Pembangunan Rohani Insan: Analisis Pemikiran al-Sarrāj (M.378 H) dalam Karya al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami. *AL-BASIRAH* Volume 9, No 1, pp. 19-37, Jun 2019
- Sakinah Salleh, Rahimah Embong, Normila Noruddin dan Zuraidah Kamaruddin. (2015). Spiritual coping strategies from the Islamic Worldview. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Sayyid Qutb (1996), *Fi Zilal al-Qur'an*, Jil. 6, Cet. 25, Beirut: Dar al-Shuruq.
- Sharifah Basirah & Che Zarrina, (2013): "Beberapa Aspek Psikoterapi Islam," *Afkar* 14 109-142
- Siswanto. (2010). Systematic review sebagai metode penelitian untuk mensintesis hasil-hasil penelitian (sebuah pengantar). *Buletin Penelitian Sistem Kesehatan*, 13(4), 326– 333.
- Wan Suhaimi. (2013). *Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis Kitab Al-Siyasah*. Kuala Lumpur: Center for Advanced Studies on Islam Science and Civilization.
- Zakaria Stapa (2001), *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*, Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd